



- 1) Penyertaan adalah terbuka kepada semua **MPP / JKM / Persatuan / Kelab / Mahasiswa yang berdaftar** dengan Universiti Teknologi Malaysia.
- 2) Penyertaan bagi **Anugerah Pemimpin Pelajar Antarabangsa & Anugerah International Student Society (ISS) Terbaik** dibuka kepada semua mahasiswa antarabangsa yang belajar di peringkat **Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/PhD**.
- 3) Penyertaan bagi **Anugerah Khas Kepimpinan Ibnu Ummu Maktum** dibuka kepada semua Mahasiswa Orang Kelainan Upaya (OKU) yang belajar di peringkat **Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/PhD**.
- 4) Penyertaan juga terbuka kepada semua **staf UTM** yang berdaftar dan sedang dalam perkhidmatan semasa permohonan dibuat.
- 5) Penilaian adalah bagi program yang dianjurkan **sepanjang sesi 2019/2020 (Tahun Penilaian : 1 September 2019 hingga 17 Oktober 2020) sahaja**.
- 6) Calon mestilah memiliki **CGPA TERKINI sekurang-kurangnya 3.0**.
- 7) Calon mestilah **BEBAS** daripada tindakan tatatertib universiti dan undang-undang Malaysia.
- 8) Calon dikehendaki mengisi **Borang Pencalonan Anugerah (TAPISAN PERTAMA)** melalui **Google Form** yang disediakan **selewat-lewatnya pada 7 November 2020**.
- 9) Semua calon yang **layak TAPISAN PERTAMA** dikehendaki menghadiri sesi bengkel/taklimat penyediaan bahan bukti secara atas talian yang akan dianjurkan oleh JTNCHEP sebelum tarikh tutup penyertaan.
- 10) Borang Permohonan Anugerah yang telah lengkap diisi hendaklah disahkan oleh **Pengarah Pembangunan Aktiviti Pelajar (UTM Johor Bahru) / Pengarah Hal Ehwal Pelajar (UTM Kuala Lumpur)** dan dimuatnaik ke pautan **Google Form** yang telah disediakan.
- 11) Borang Permohonan Anugerah yang telah lengkap bersama-sama bahan bukti hendaklah dimuatnaik ke dalam sistem selewat-lewatnya pada **29 November 2020 JAM 5.00 PETANG (Tarikh Tutup Penyertaan)**.
- 12) Borang yang **TIDAK LENGKAP/LEWAT DITERIMA/TIDAK MEMENUHI KRITERIA/TIADA PENGESAHAN SOKONGAN PENASIHAT TIDAK AKAN DIPROSES**.
- 13) Setiap pelajar boleh memohon lebih dari 1 (SATU) anugerah.
- 14) Keputusan Jawatankuasa Penilai Anugerah Gemilang Mahasiswa 2020 adalah **MUKTAMAD**.
- 15) Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi :

Urusetia
Anugerah Gemilang Mahasiswa (GEMA) 2020
Bahagian Aktiviti & Pembangunan Pelajar
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru
(u/p: Puan Ili Ruwaida binti Md Yusof / 019-7887425)

atau

Urusetia
Anugerah Gemilang Mahasiswa (GEMA) 2020
Bahagian Aktiviti & Pembangunan Pelajar
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
(u/p: Puan Eva Sriaza Binti Muhamad Ariff / 012-2305604)